

## RON97 naik, RON95 dan diesel kekal

**Putrajaya:** Harga runcit petrol RON97 naik satu sen seliter daripada RM2.56 seliter kepada RM2.57 seliter.

RON95 dan diesel kekal masing-masing pada harga RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter berkuat kuasa 12 tengah malam tadi.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan, harga berkenaan bagi tempoh 9 hingga 15 November berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama masing-masing sepatutnya RM2.27 seliter dan RM2.28 seliter.

"Ini menunjukkan kenaikan daripada minggu lalu bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.26 seliter, manakala penurunan harga runcit produk diesel yang berada pada paras RM2.33 seliter," katanya